

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 22/07/2017
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Abdul Fattah Kekal Presiden Angkasa

Tarikh kemaskini: 22/07/2017



KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) --Datuk Abdul Fattah Abdullah berjaya mengekalkan jawatan Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dalam pemilihan pada Persidangan Kebangsaan Tahunan Angkasa ke-32, hari ini.

Angkasa dalam satu kenyataan berkata Abdul Fattah memperoleh 3,083 undi menewaskan pencabarnya, Dr Ariffin Mansor yang mendapat 569 undi.

Pengumuman keputusan pemilihan dibuat Pengerusi Persidangan, Prof Madya Dr Abdul Rahman Abdul Razak Shaik di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Jawatan Timbalan Presiden pula dimenangi tanpa bertanding oleh Mutadho Bahri.

Dalam pada itu, Mohamad Azmi Omaruddin mengekalkan jawatan Naib Presiden Angkasa setelah memperoleh 2,250 undi pada pemilihan itu.

Turut dipilih sebagai Naib Presiden ialah Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalaman Angkasa, Mohd Azlan Yahya yang mendapat 1,712 undi.

Kedua-dua mereka menewaskan empat calon lain iaitu Datin Seri Dr Jamilah Din yang memperoleh 987 undi, Dr Mustapa Kamal Maulut (859), Yunus Kasim (756) dan Dr Razmi Ab Rahman (240).

Sebanyak 4,016 wakil sah daripada 3,694 koperasi anggota Angkasa seluruh negara hadir pada persidangan itu.

-- BERNAMA